



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 02 Tahun 2023

**MENERIMA PAKAI PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN
2022 BERKAITAN PEMBERIAN KENAIKAN GAJI TAHUNAN (KGT)
TAMBAHAN KHAS KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM
PERSEKUTUAN DALAM KUMPULAN PELAKSANA DAN KUMPULAN
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada staf Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengenai penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2022 bertarikh 27 Disember 2022 berkaitan Pemberian Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) Tambahan Khas Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Dalam Kumpulan Pelaksana Dan Kumpulan Pengurusan Dan Profesional.

LATARBELAKANG

- 2.1 Kerajaan telah membentangkan Mini Bajet 2023 pada sidang parlimen kedua, 20 Disember 2022 dan mengumumkan pemberian KGT Tambahan Khas bagi tahun 2023 kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dalam Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional.
- 2.3 Kadar KGT semasa bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dalam Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah sebagaimana yang ditetapkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2016 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2016.

- 2.4 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2022 bertarikh 27 Disember 2022 berkaitan Pemberian KGT Tambahan Khas Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Dalam Kumpulan Pelaksana Dan Kumpulan Pengurusan Dan Profesional di mana Kerajaan telah bersetuju untuk memberikan KGT Tambahan Khas sebanyak RM100.00 kepada pegawai Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional pada 1 Januari 2023.
- 2.5 Majlis Sumber Manusia melalui Edaran Bilangan 42/2022 bertarikh 3 Januari 2023 memperaku dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) berkenaan penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2022 bertarikh 27 Disember 2022 berkaitan Pemberian Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) Tambahan Khas Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Dalam Kumpulan Pelaksana Dan Kumpulan Pengurusan Dan Profesional serta mencadangkan tarikh kuatkuasa adalah pada 1 Januari 2023 dengan tarikh pembayaran pada gaji bulan Januari 2023 iaitu 17 Januari 2023.
- 2.6 Lembaga Pengarah Universiti (LPU) berkeputusan pada 16 Januari 2023 meluluskan penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan Berkaitan Pemberian Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) Tambahan Khas Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Dalam Kumpulan Pelaksana Dan Kumpulan Pengurusan Dan Profesional. Tarikh kuatkuasa pembayaran KGT Tambahan Khas adalah mulai pada 1 Januari 2023 dan pembayaran adalah pada gaji bulan Januari 2023 iaitu 17 Januari 2023.

PELAKSANAAN

3. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2022 bertarikh 27 Disember 2022 berkaitan Pemberian Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) Tambahan Khas kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dalam Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah seperti berikut:

3.1 Tafsiran

- i. "Kenaikan Gaji Tahunan" bermaksud amaun yang digunakan bagi pemberian pergerakan gaji biasa yang ditetapkan mengikut gred dalam Jadual Gaji Minimum Maksimum (JGMM).
- ii. "Kenaikan Gaji Tahunan Tambahan Khas" bermaksud amaun bagi pemberian pergerakan gaji tambahan khas sebanyak RM100.00

kepada Pegawai Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional bagi tahun 2023 sahaja.

3.2 Pelaksanaan

i. Pegawai Yang Layak

Pelaksanaan pemberian KGT Tambahan Khas ini melibatkan pegawai UiTM dari Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional bertaraf tetap, sementara dan kontrak (*Contract of Service*) yang telah dilantik sebelum 1 Januari 2023 dan sedang berkhidmat pada 1 Januari 2023, termasuk pegawai yang berada dalam keadaan seperti berikut:

- a. Pegawai yang dipinjamkan atau ditukar sementara ke agensi Kerajaan;
- b. Pegawai yang dipinjamkan ke pertubuhan antarabangsa atau sektor swasta;
- c. Pegawai yang cuti bergaji penuh, cuti separuh gaji dan cuti tanpa gaji; atau
- d. Pegawai yang meninggal dunia pada 1 Januari 2023.

ii. Pegawai Yang Tidak Layak

Pemberian KGT Tambahan Khas ini tidak diberikan kepada:

- a. Pegawai yang tidak hadir bertugas dan ditahan gajinya sepanjang tahun 2022;
- b. Pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib dengan hukuman buang kerja yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2023;
- c. Pegawai yang dilantik mulai 1 Januari 2023;
- d. Pegawai yang bersara pada atau sebelum 1 Januari 2023; atau
- e. Pegawai yang meninggal dunia pada atau sebelum 31 Disember 2022.

iii. Kaedah Pelaksanaan

- a. Gaji hakiki pegawai pada 31 Disember 2022 akan ditambah dengan KGT Tambahan Khas sebanyak RM100.00 pada 1 Januari 2023. Amaun tersebut kekal dalam gaji hakiki pegawai.

- b. KGT Tambahan Khas hanya diberi pada tahun 2023 sahaja. Simulasi kaedah pemberian KGT Tambahan Khas adalah seperti di Lampiran A, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2022.
- c. Bagi pegawai yang dipinjamkan atau ditukar sementara ke jawatan Kumpulan Pelaksana atau Kumpulan Pengurusan dan Profesional di agensi Kerajaan, pemberian KGT Tambahan Khas sebanyak RM100.00 pada 1 Januari 2023 hendaklah diberi secara isyarat di gaji hakiki oleh Ketua Jabatan asal dan secara sebenar oleh Ketua Jabatan agensi peminjam.
- d. Bagi pegawai yang dipinjamkan atau ditukar sementara ke jawatan Kumpulan Pengurusan Tertinggi, agensi Kerajaan yang diasingkan saran, pertubuhan antarabangsa atau sektor swasta, pemberian KGT Tambahan Khas sebanyak RM100.00 pada 1 Januari 2023 hendaklah diberi secara isyarat di gaji hakiki sahaja oleh Ketua Jabatan asal.
- e. Pelaksanaan pemberian KGT Tambahan Khas ini adalah tidak tertakluk kepada penilaian prestasi kerja tahunan pegawai dan keputusan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM).
- f. Pelaksanaan pemberian KGT Tambahan Khas ini tidak berkaitan dengan urusan perkhidmatan lain yang melibatkan kadar KGT termasuk penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat dan hukuman tatatertib seperti hukuman tangguh pergerakan gaji dan hukuman turun gaji.
- g. Perubahan gaji berikutan pemberian KGT Tambahan Khas ini hendaklah direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan.

iv. Pergerakan Gaji Tahunan (PGT)

Pemberian KGT Tambahan Khas ini tidak menjejaskan PGT pegawai bagi tahun 2023 dan tahun berikutnya tertakluk kepada pegawai memenuhi syarat dan peraturan PGT yang berkuatkuasa.

v. **Tarikh Pergerakan Gaji (TPG)**


Pemberian KGT Tambahan Khas ini tidak mengubah Tarikh Pergerakan Gaji Pegawai.

TARIKH DIKELUARKAN

4. Pekeliling dikeluarkan pada 10 Mac 2023.

TARIKH KUATKUASA

5. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2023.



HAJI MUHAMAD NIZAM BIN NOORDIN
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Ahli Majlis Eksekutif Universiti
Semua Rektor-Rektor UiTM Cawangan
Semua Penolong Naib Canselor Kolej Pengajian
Semua Dekan / Fakulti / Akademi / Institut
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Pusat / Unit

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(Bil. 02/2023)